

26/08/2003

Majlis kesyukuran mulai 29 Ogos

Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Acara keagamaan yang membabitkan semua kaum di Malaysia akan menjadi antara kemuncak sambutan kemerdekaan ke-46 ini sebagai tanda kesyukuran rakyat terhadap keamanan yang dikecapi negara selama ini.

Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir sehubungan itu, menggesa rakyat menyertai acara keagamaan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing yang dianjurkan kerajaan negeri dan persatuan agama.

Beliau berkata, acara keagamaan penting bagi membolehkan semua kaum melahirkan perasaan syukur dan memohon perlindungan dalam memelihara kesejahteraan dan kemakmuran di negara ini.

"Program keagamaan sempena perayaan bulan kemerdekaan ini perlu diadakan setiap tahun untuk mengingatkan serta memberi didikan betapa pentingnya kita bersyukur dengan apa yang diperoleh selain mengekalkan kesejahteraan generasi hari ini dan akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua agama sempena pelancaran majlis kesyukuran perayaan Bulan Kemerdekaan di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Presiden Persekutuan Pertubuhan Agama Taoisme Malaysia, B S Tan; Setiausaha Majlis Gurdwara Malaysia, Tejwant Singh Bal; wakil Persaudaraan Kristian Evangelical Malaysia (NECF), Rev Lai Moo Him dan Timbalan Presiden Malaysia Hindu Sangam, R Thiagaraja.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata, bagi agama Islam, khutbah khas, tahlil dan doa selamat akan diadakan pada Jumaat 30 Ogos, sehari sebelum sambutan Kemerdekaan.

Khutbah khas disediakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan dibaca di semua masjid seluruh negara.

Katanya, pada peringkat Pusat, ia akan diadakan di Masjid Negara dengan diketuai Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta beberapa menteri Kabinet.

Penganut agama Hindu pula akan mengadakan upacara keagamaan mereka di Kuil Sri Sundaraja Perumal di Jalan Raja Musang, Klang pada 29 Ogos, yang diwakili Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Acara bagi penganut kristian pula akan diadakan pada 29 Ogos ini di Menara PGRM manakala upacara bagi penganut taoisme akan diadakan di Kuil Hwa Kwang, Klang yang akan diwakili oleh Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho.

Penganut agama Buddha sudah memulakan upacara khas di Buddhist Vihara, Jalan Brickfields, di sini Sabtu lalu.